



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

SIARAN MEDIA

PANGSAPURI TAMAN TAP, TELUK INTAN SKIM STRATA 'BANGUNAN KHAS' KEDUA BERJAYA DIBANTU TKHS

Kerjasama strategik yang dijalin oleh pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan syarikat pelikuidasi Radiant Consulting Asia Sdn. Bhd telah menunjukkan hasil positif apabila Pangsapuri Taman Tap, Teluk Intan, Perak menjadi skim strata Bangunan Khas kedua yang berjaya memperoleh hakmilik strata. Pemilik 41 unit petak strata di skim tersebut yang sebelum ini dikelaskan sebagai Bangunan Khas sejak tahun 1995 akibat penggulungan syarikat pemaju kini boleh menarik nafas lega apabila hakmilik strata berjaya dikeluarkan secara individu kepada syarikat pelikuidasi.

Inisiatif yang dibiayai menerusi Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata (TKHS) ini akan disusuli dengan proses pindahmilik daripada syarikat pelikuidasi kepada pemilik-pemilik yang sah. Sejurus urusan tersebut selesai, ia bakal memudahkan pemilik melaksanakan urusan jua beli dan transaksi lain yang dibenarkan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) serta Akta Hakmilik Strata 1985. Hakmilik Strata yang sudah sempurna didaftarkan atas nama pembeli sebagai pemilik sah juga berperanan sebagai satu dokumen pemilikan utama dan rekod ketuanpunyaan sebagai pemilik berdaftar yang sah.

Menurut YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, sejumlah RM207,833.20 peruntukan telah diluluskan di bawah TKHS bagi tujuan penyelesaian permohonan hakmilik strata di Pangsapuri Taman Tap, Teluk Intan. TKHS turut membiayai lima (5) skim strata lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Kelantan dengan jumlah keseluruhan dana berjumlah RM1.45 juta. Pada 6 Mac 2023, sebanyak 432 hakmilik strata telah berjaya dikeluarkan kepada syarikat pelikuidasi bagi Skim Strata Pangsapuri Taman Batu Permai, Kuala Lumpur yang turut dibiayai oleh TKHS.

Semasa Majlis Penyerahan Mock-Title Hakmilik Strata Pangsapuri Taman Tap, Teluk Intan di Dewan Rumah Rehat, Teluk Intan pada 11 Mei 2023 (Khamis), YB Dato' Sri Huang Tiong Sii turut merakamkan penghargaan kepada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) yang telah menyumbangkan sejumlah RM3 juta kepada TKHS sejak penubuhannya pada tahun 2018.

Penyerahan mock title daripada Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak kepada syarikat pelikuidasi Radiant Consulting Asia Sdn. Bhd. telah disaksikan oleh YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan YB Tuan Woo Kah Leong, Exco Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina mewakili YAB Menteri Besar Perak selaku dif kehormat di samping dif-dif jemputan yang lain seperti wakil Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri, Pesuruhjaya Bangunan (COB), Majlis Perbandaran Teluk Intan, wakil Lembaga Jurukur Tanah (LJT) dan wakil Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body) Pangsapuri Taman Tap, Teluk Intan, Perak.

NRECC komited untuk terus membantu pemilik-pemilik petak Bangunan Khas bagi menyelesaikan isu kegagalan permohonan hakmilik strata oleh pemilik asal atau pemaju melalui TKHS. Komitmen NRECC bagi membantu rakyat ini adalah selaras dengan konsep Malaysia MADANI bagi mewujudkan sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

11 MEI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia